



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR**  
**PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : KEUSAHAWANAN**  
**KOD KURSUS : DSM 3213**  
**PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (60 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Pelajar dibenarkan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku, internet atau mana - mana sumber yang berkaitan.
4. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
5. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
6. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
7. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **semua** soalan dalam Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

Pelbagai mitos tentang keusahawanan yang masih menguasai pemikiran dan mentaliti masyarakat. Tunjukkan situasi mitos yang masih wujud dalam kalangan masyarakat sekarang.

(10 markah)

**SOALAN 2**

Perkataan etika berasal daripada bahasa Inggeris, iaitu ethic dan bahasa Greek iaitu Ethas yang membawa maksud nilai-nilai atau perkara yang berkaitan dengan sikap yang menentukan tingkah laku sesuatu golongan. Bagaimanakah seseorang usahawan boleh menerapkan prinsip etika di dalam perniagaan mereka?

(10 markah)

**SOALAN 3**

Pembudayaan inovasi dan kreativiti dalam perniagaan adalah penentu utama bagi mewujudkan pembaharuan pentadbiran yang inovatif, kreatif dan cekap untuk terus bergerak maju ke hadapan di samping melonjakkan negara ke peringkat yang lebih tinggi supaya dapat bersaing dengan negara maju. Jelaskan apakah strategi yang boleh diamalkan untuk menggalakkan kreativiti dan inovasi?

(10 markah)

**SOALAN 4**

Kemahiran mengenal pasti sumber perlu diberikan perhatian semasa memulakan sesuatu perniagaan bagi memastikan perniagaan dapat berjalan dengan lancar dan sistematik. Berdasarkan konsep yang telah anda pelajari, aplikasikan **lima (5)** kemahiran mengenal pasti sumber yang diperlukan bagi sesebuah perniagaan.

(10 markah)

**SOALAN 5**

a. Arif bercadang untuk membuka perniagaan milikan tunggal. Jelaskan kepada Arif **dua (2)** kelemahan perniagaan tersebut.

(4 markah)

b. Arif juga kurang mahir dan tiada pengalaman untuk memulakan perniagaannya itu. Cadangkan **tiga (3)** bantuan sokongan kerajaan untuk usahawan seperti Arif.

(6 markah)

**SOALAN 6**

Sekiranya anda bercadang untuk menjadi seorang usahawan, ramalkan lima **(5)** risiko kebarangkalian yang bakal dihadapi oleh seorang usahawan sepanjang perjalanan perniagaannya.

(10 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan dalam Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

Encik Hamidi telah menamatkan pengajian di Universiti Putra Malaysia dalam bidang pengurusan perniagaan. Beliau ingin membuka industri pengeluaran yang mengeluarkan sabun mandi, sabun basuh dan pencuci pinggan mangkuk yang berasaskan minyak kelapa sawit di Kulai, Johor.

- a. Nasihatkan Encik Hamidi berkenaan langkah-langkah yang perlu diambil sebelum beliau memulakan perniagaan.

(12 markah)

- b. Terangkan **dua (2)** kelebihan dan **dua (2)** kelemahan sekiranya Encik Hamidi bercadang untuk memulakan perniagaan sendiri.

(8 markah)

**SOALAN 2**

Syarikat Rahmah Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat yang terlibat dalam perusahaan pembuatan madu kelulut di Muar, Johor. Perusahaan ini telah ditubuhkan oleh Puan Rahmah sejak setahun yang lalu. Baru-baru ini beliau mendapati permintaan kurang memuaskan dan semakin merosot. Keadaan ini berlaku kerana terdapat dua pesaing baru di sekitar perniagaan beliau. Hal ini merunsingkan fikiran Puan Rahmah kerana beliau juga kurang berpengalaman dalam bidang promosi produk.

- a. Anda sebagai penasihat perniagaan diminta membantu Puan Rahmah untuk menyediakan ramalan jualan bagi syarikat beliau.

(12 markah)

- b. Cadangkan **dua (2)** strategi promosi yang paling sesuai yang boleh diambil oleh Puan Rahmah untuk menyelesaikan masalah kekurangan permintaan yang dihadapi oleh beliau.

(8 markah)

**[40 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**